



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح

PELAN

INTEGRITI
TABUNG HAJI

“INTEGRITI AMALAN SAYA”



TABUNG HAJI
حي على الفلاح

Ibu Pejabat

LEMBAGA TABUNG HAJI

201, Jalan Tun Razak, 50400
Kuala Lumpur
Telefon : +603 2054 2000 /
603 2054 2233 / 603 2054 2400
Faks : +603 2163 2308

Pajabat Negeri

PERLIS

Pejabat Negeri **TH** - Perlis
Lot 1483 & 1484
Kompleks Perniagaan Seriab
01000, KANGAR
Telefon : 04-976 1650
Faks : 04-976 4137

KEDAH

Pejabat Negeri **TH** - Kedah
Bangunan **TH**
Jalan Tunku Ibrahim
05000, ALOR SETAR
Telefon : 04-733 3120 / 1949
Faks : 04-733 1852

PULAU PINANG

Pejabat Negeri **TH** -
Pulau Pinang
Lot 5789 & 5790
Jalan Dato' Ismail Hashim
11900, BAYAN LEPAS
Telefon : 04-641 2252
Faks : 04-641 2268

PERAK

Pejabat Negeri **TH** - Perak
Aras 1 & 2, Bangunan **TH**
Jalan Koo Chong Kong
30000, IPOH
Telefon : 05-243 5740
Faks : 05-243 5739

SELANGOR

Pejabat Negeri **TH** - Selangor
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301, PETALING JAYA
Telefon : 03-7874 1033
Faks : 03-7874 1140

KUALA LUMPUR

Pejabat Negeri **TH** -
Kuala Lumpur
Tingkat Bawah & Mezzanine,
Menara **TH** Perdana
1001 Jalan Sultan Ismail
50250, KUALA LUMPUR
Telefon : 03-2692 9122
Faks : 03-2692 9098

NEGERI SEMBILAN

Pejabat Negeri **TH** -
Negeri Sembilan
Bangunan **TH**,
Kompleks Terminal 1
Jalan Lintang
70000, SEREMBAN
Telefon : 06-767 0052
Faks : 06-767 0053

MELAKA

Pejabat Negeri **TH** -
Melaka
Bangunan **TH**, Lot 250
Jalan Banda Kaba,
Peti Surat 205
75740, MELAKA
Telefon : 06-283 6303
Faks : 06-282 0506

JOHOR

Pejabat Negeri **TH** -
Johor
Lot 20485 Menara **TH**
Jalan Air Molek,
Peti Surat 210
80720, JOHOR BAHRU
Telefon : 07-223 0052
Faks : 07-224 8713

PAHANG

Pejabat Negeri **TH** -
Pahang
Bangunan **TH**
Lot. 35 Jalan Bukit Ubi
25200, KUANTAN
Telefon : 09-516 5535
Faks : 09-516 5534

TERENGGANU

Pejabat Negeri **TH** -
Terengganu
Bangunan **TH**
No.160 Jalan Sultan
Ismail 20200,
KUALA TERENGGANU
Telefon : 09-626 4566
Faks : 09-622 0811

KELANTAN

Pejabat Negeri **TH** -
Kelantan
Wisma Ilmu,
Bangunan **TH**
Jalan Doktor
15000, KOTA BHARU
Telefon : 09-743 4500
Faks : 09-743 4505

SABAH

Pejabat Negeri **TH** -
Sabah
Jalan Sembulan
Peti Surat 12908
88832, KOTA KINABALU
Telefon : 088-244 893
Faks : 088-221 758

SARAWAK

Pejabat Negeri **TH** -
Sarawak
Lot 16, 17 & 18,
Jalan Satok
Peti Surat 2603
93752, KUCHING
Telefon : 082-233 093
Faks : 082-419 721

ISI KANDUNGAN



1. LATAR BELAKANG

1.1	PELAN INTEGRITI NASIONAL	8
1.2	VISI, MISI DAN OBJEKTIF	9
1.3	IKRAR INTEGRITI KORPORAT LEMBAGA TABUNG HAJI (LTH)	10
1.4	NILAI TERAS TABUNG HAJI	12
1.5	ETIKA KERJA TABUNG HAJI	
1.5.1	Etika	13
1.5.2	Integriti	14
1.5.3	Nilai Etika Kerja Tabung Haji	15

2. PELAN INTEGRITI TABUNG HAJI

2.1	RANGKA KERJA PELAN INTEGRITI TABUNG HAJI	16
2.2	PELAN INTEGRITI TABUNG HAJI	18
2.3	STRATEGI PELAN INTEGRITI TABUNG HAJI	19

3. PETUNJUK PRESTASI UTAMA PELAN INTEGRITI TABUNG HAJI

3.1	SASARAN PERLAKSANAAN PELAN INTEGRITI TABUNG HAJI	20
3.2	PENILAIAN KEBERKESANAN PELAN INTEGRITI TABUNG HAJI	20
3.3	PENILAIAN SISTEM INTEGRITI KORPORAT TABUNG HAJI	21
3.4	AKTIVITI & PELAN TINDAKAN INTEGRITI TH	
LAMPIRAN:	3.4.1 PENDEKATAN : PENDIDIKAN	22
	3.4.2 PENDEKATAN : PENCEGAHAN	25
	3.4.3 PENDEKATAN : PENAMBAHBAIKAN	29
	3.4.4 PENDEKATAN : PENGIKTIRAFAN & PUNITIF	33

4. PENUTUP 36

LATAR BELAKANG

Pelan Integriti Nasional

Malaysia ingin menjadi negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020. Oleh itu, transformasi ke arah menjadi masyarakat maju bukan sahaja diasaskan kepada kemajuan ekonomi dan teknologi, tetapi juga kemajuan dalam pembangunan sosial, budaya, intelek dan rohani. Fokus terpenting bagi pembangunan sedemikian ialah peningkatan dan pemantapan etika dan integriti yang perlu menjadi budaya masyarakat. Hanya dengan demikian, barulah kejayaan yang dicapai dapat dilestarikan dan kesejahteraan rakyat dapat dipelihara serta ditingkatkan.

Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada 23 April 2004 merupakan antara langkah penting yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan integriti dan pembudayaan nilai murni di kalangan semua lapisan rakyat dan institusi. PIN dirangka bagi **merealisasikan cabaran ke-4 Wawasan 2020**, iaitu **“membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur”**. PIN menyediakan pelan tindakan secara bersepadu dan menyeluruh untuk mempertingkatkan integriti nasional.

5 sasaran keutamaan dalam pin dikenali sebagai tekad integriti iaitu:



VISI

**TUNGGAK KEJAYAAN EKONOMI UMMAH,
PENGURUSAN HAJI TERBILANG**

Dalam mencapai visi, kami beriltizam :

- Memperkasa ekonomi ummah
- Sentiasa giat mencari pelaburan strategik global dan lokal bagi pertumbuhan berterusan
- Menggembeng dan memperkayakan modal pendeposit
- Memberikan perkhidmatan cemerlang yang berterusan
- Memudah dan menyempurnakan urusan Jemaah ke arah Haji Mabrur ; dan
- Memberi pulangan yang kompetitif, halal dan toyyiban

MISI

OBJEKTIF PELAN INTEGRITI


- Membentuk persekitaran perniagaan yang adil, telus dan berintegriti bebas daripada rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa
- Meningkatkan keberkesanan tadbir urus korporat terbaik dan etika perniagaan untuk kepentingan stakeholder dan pendeposit **TH**
- Melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan Social Integriti Responsibility (SIR) yang lebih efektif untuk peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat
- Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan kawalan dalaman
- Penerapan dan pembudayaan integriti dalam organisasi
- Memastikan status kewangan yang mampan dan efektif

IKRAR INTEGRITI KORPORAT


Lembaga Tabung Haji

Ikrar Integriti Korporat ialah dokumen yang membenarkan sesebuah organisasi korporat untuk membuat komitmen untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah bagi Syarikat Korporat di Malaysia. Lembaga Tabung Haji telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat pada 13 April 2012.

Dengan menandatangani ikrar ini, Lembaga Tabung Haji berikrar bahawa:



Lembaga Tabung Haji akan berusaha untuk mewujudkan persekitaran perkhidmatan dan perniagaan di Malaysia yang berintegriti dan bebas daripada rasuah melalui tindakan-tindakan berikut:-



Membanteras sebarang bentuk amalan rasuah

04

- Tidak bertolak ansur terhadap mana-mana anggota atau mana-mana pihak lain yang terlibat dalam rasuah yang berkaitan dengan perkhidmatan dan perniagaan, tanpa mengira kedudukan serta status; dan
- Untuk melaporkan perlakuan rasuah yang berlaku di premis perkhidmatan dan perniagaan kepada Pihak Berkuasa yang berkaitan.

Sokongan kepada inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

05

- Untuk menyokong kempen pencegahan rasuah oleh Kerajaan dan SPRM;
- Untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada Pihak Berkuasa, agensi Kawal Selia dan SPRM, berhubung dengan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang bagi menentang rasuah;
- Untuk mengatur program pencegahan rasuah secara berterusan melalui penubuhan Jawatankuasa Khas atau Jabatan Pematuhan dan Integriti;
- Untuk mewujudkan hubungan erat dengan Pihak Berkuasa dan SPRM; dan
- Untuk memberikan informasi terkini dan mengadakan modul latihan secara berterusan bagi pencegahan rasuah, etika dan integriti.

STRATEGI KOMITMEN IKRAR INTEGRITI LEMBAGA TABUNG HAJI



NILAI TERAS TABUNG HAJI

Profesionalisme

- Taqwa, menganggap kerja sebagai satu ibadah dan berintegriti.
- Akauntabiliti terhadap semua tindakan tanpa ada sebarang kepentingan diri.
- Memberikan perhatian terhadap perincian, disiplin dan menepati masa.
- Mengamalkan pertimbangan yang baik dan mengaplikasikan kemahiran yang relevan dan berpengetahuan.
- Sentiasa menambahkan kemahiran dan ilmu pengetahuan.

Kerja secara berpasukan

- Bersatu dalam satu tujuan, bekerja dalam berpasukan, saling hormat-menghormati serta mengamalkan syura, mempercayai dan membantu dalam mencapai matlamat yang sama.
- Bersifat kekitaan, tanggungjawab, komited dan bertimbang rasa.

Komited

- Komited untuk mencapai kejayaan **TH** serta sumbangan terhadap industri dan komuniti.
- Kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada **TH**
- Kesungguhan dalam melakukan sesuatu untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan.
- Bersifat agresif dan proaktif, mengambil peluang dan memikul tanggungjawab tanpa sangsi.
- Bekerja dengan bijak dan bersungguh-sungguh.

Prihatin, mesra dan penyayang

1. Prihatin terhadap pelanggan melalui:-
 - jangkaan kehendak dan melebihi harapan mereka;
 - penyediaan suasana perkhidmatan yang mesra serta peribadi.
2. Prihatin terhadap anggota melalui:-
 - penyediaan persekitaran kerja yang sihat, selamat dan kondusif;
 - mengambil berat kebajikan mereka.
 - prihatin terhadap komuniti melalui pengurusan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) secara proaktif.

Inovatif

- Sentiasa menyesuaikan diri kepada perubahan.
- Berusaha menambah ilmu dan memperoleh penyelesaian inovatif.

DEFINISI DAN KONSEP ETIKA



ETIKA INDIVIDU

■ Etika individu ialah himpunan nilai pada diri individu yang membimbingnya dalam membezakan antara yang benar dan yang salah, yang baik dan yang buruk, yang patut boleh dilakukan, serta yang tidak patut dan tidak boleh dilakukan. Pemilihan antara perkara-perkara ini sentiasa berlaku semasa menjalankan tugas, dalam kehidupan sehari-hari, ataupun apabila berinteraksi dengan pihak lain.

ETIKA ORGANISASI

■ Ditakrifkan sebagai garis panduan bagi menjalankan tugas seperti berpegang teguh pada nilai bersih, cekap dan amanah, jujur, benar, bertanggungjawab dan adil. Bagi organisasi yang berurusan dengan orang ramai, maka Etika Organisasi juga menuntut penjawat itu mematuhi Piagam Pelanggan.

ETIKA PROFESYEN

■ Etika profesyen ialah kod yang menggariskan apa yang harus dibuat dan tidak harus dibuat oleh pengamal profesyen berkenaan. Antara profesyen yang mempunyai kod etikanya termasuk kedokteran, kehakiman, undang-undang, perakaunan, kewartawanan dan perguruan. Misalnya seorang hakim terlibat dengan etika profesyen yang dipraktikkannya. Seorang editor, pengarang atau wartawan pula perlu berpegang pada etika kewartawanan dalam penyebaran maklumat melalui media. Begitu juga seorang guru mesti mematuhi etika perguruan.

INTEGRITI



INTEGRITI INDIVIDU

■ Ditakrifkan sebagai keselarasan antara apa yang dikatakan oleh individu dengan apa yang dikotakannya; keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang; serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum.

INTEGRITI ORGANISASI

■ Tercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Kod etika organisasi diinstitusikan, diamalkan dan dihayati oleh setiap lapisan warga organisasi berkenaan sehingga menjadi amalan dan akhirnya menjadi budaya organisasi.

INTEGRITI PENJAWAT AWAM


■ Bagi individu yang memegang amanah seperti mereka yang menjawat jawatan awam, integriti bermaksud melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan menurut kepentingan umum. Penjawat jawatan itu, tidak boleh menyalahgunakan kuasanya untuk kepentingan diri, keluarga, saudara mara atau kaum kerabat sendiri. Apabila berlaku konflik kepentingan, ia mesti diselesaikan dengan memberi keutamaan kepada kepentingan awam. Dengan demikian penjawat itu perlu telus dan tulus, harus memikul pertanggungjawaban terhadap ketuanya, orang di bawahnya dan kepada pihak lain.

NILAI ETIKA KERJA


Tabung Haji (TH)



RANGKA KERJA PELAN INTEGRITI TH



RANGKA KERJA PELAN INTEGRITI TH



PELAN INTEGRITI TH



KEPADA SIAPA PELAN INI TERPAKAI

- Semua anggota **TH** dan anak-anak syarikat **TH**.
- Mana-mana syarikat atau orang perseorangan yang berurusan dengan **TH** berkaitan perkhidmatan atau pembekalan.
- Mana-mana orang atau pihak yang dibayar gaji/elaun oleh **TH** bagi apa-apa aktiviti.

STRATEGI PLAN INTEGRITI TH

Pelaksanaan pendekatan Pelan Integriti memerlukan satu strategi yang diguna pakai. Strategi bagi setiap pendekatan dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah dan keterangan serta aktiviti berkaitan pelan yang dinyatakan dalam Lampiran 1.

PENDEKATAN	MEKANISME	STRATEGI
PENDIDIKAN	Membina merancang dan melaksanakan program untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kemahiran anggota TH mengenai pengurusan integriti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan integriti dan ketelusan untuk membentuk budaya integriti di TH 2. Mengurangkan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa 3. Memupuk kesedaran mengenai polisi dan peraturan TH berkuatkuasa
PENCEGAHAN (Pencerahan)	Meningkatkan transparensi dalam pengurusan dengan cara mengesan, mengenalpasti kelemahan dalam praktis, sistem & proses kerja dan secara berterusan meningkatkan tahap efisiensi dengan menghapuskan peluang rasuah, penipuan dan penyalahgunaan kuasa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penambahbaikan keberkesanaan dan tadbir urus dalam sistem penyampaian 2. Mencegah percanggahan kepentingan dalam pengurusan perniagaan 3. Sistem pemantauan dan pelaporan yang efektif 4. Menyokong prinsip ikrar integriti korporat 5. Pematuhan kepada undang-undang dan peraturan lokal dan antarabangsa dalam perniagaan
PENAMBAHBAIKAN	Meningkatkan amalan tadbir urus korporat terbaik melalui usaha memastikan pemantauan kepada proses kerja, sistem, kod etika kerja dan piagam pelanggan.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan kesinambungan (<i>sustainability</i>) TH dalam perniagaan dan peneraju pengurusan haji. 2. Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti anggota TH 3. Meminimalkan risiko reputasi kewangan dan operasi melalui penambahbaikan sistem, prosedur, dan tatacara kerja 4. Menilai tahap etika dan integriti bagi menepati nilai teras TH
PENGIKTIRAFAN & PUNITIF (CARROT & STICK)	<p>Membangunkan sistem pengurusan dan pemantauan dengan mewujudkan mekanisme yang akan meningkatkan kaedah pengesanan dan hukuman kepada anggota yang terlibat dalam aktiviti yang bercanggah dengan integriti TH.</p> <p>Pengiktirafan kepada pemberi maklumat, laporan salah tadbir urus dan rasuah kepada pihak Pengurusan dan autoriti dan pengiktirafan juga kepada pekerja yang menunjukkan contoh dan tauladan yang baik.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan sistem amaran dan bertindak sebagai early warning dan quick respon bagi mengesan dan menghukum pelanggaran 2. Memantau perlakuan yang melanggar integriti, organisasi dan mengambil tindakan pencegahan, punitif dan pemulihan 3. Memberi pengiktirafan kepada anggota TH yang berintegriti 4. Memberi ganjaran kepada pelaporan mengenai rasuah, penyelewengan dan salahgunakuasa.

SASARAN PERLAKSANAAN PELAN INTEGRITI TH

SASARAN PERLAKSANAAN PELAN INTEGRITI TH

Pelan Integriti **TH** harus mempunyai sasaran bagi mencapai untuk memastikan pelan tersebut sesuai dengan visi dan misi **TH**. Oleh itu sasaran jangka pendek Pelan Integriti **TH** adalah bagi tempoh lima tahun (2013 - 2018).

Sasaran jangka pendek perlu dikaji semula pada pertengahan tempoh lima tahun untuk memastikan pendekatan dan strategi dapat dipakai dan sesuai. Dalam pada itu, sasaran jangka panjang akan diputuskan selepas kajian semula pencapaian sasaran jangka pendek.

PENILAIAN KEBERKESANAN PELAN INTEGRITI TH



PENILAIAN SISTEM INTEGRITI KORPORAT TH

Bagi tujuan menilai integriti korporat dan melaksanakan Pelan Integriti **TH**, Bahagian Integriti akan menggunakan dan menyesuaikan dengan instrumen Penilaian Integriti Korporat. Penilaian Integriti Korporat adalah satu sistem biasa digunakan untuk mengenal pasti dan menilai integriti **TH** menerusi dua belas (12) dimensi seperti berikut:



Berikutan pelaksanaan Penilaian Integriti Korporat **TH**, senarai semak integriti yang baru boleh disediakan ke arah penambahbaikan integriti di **TH**. Ini adalah selaras dengan Pelan Integriti **TH**, jadi melalui Penilaian Integriti Korporat ini, yang kini dapat dilakukan untuk membangunkan strategi dan pelan tindakan **TH**.

Lampiran

AKTIVITI & PELAN TINDAKAN

PENDEKATAN: PENDIDIKAN

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

PENDEKATAN : PENDIDIKAN
STRATEGI 1 : MENINGKATKAN INTEGRITI DAN KETELUSAN UNTUK MEMBENTUK BUDAYA INTEGRITI DI **TH**

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Melaksanakan Program Bicara Integriti kepada Anggota Ibu Pejabat dan anak syarikat TH	Penerapan dan pembudayaan integriti dalam organisasi	2013 hingga 2015	Semua anggota TH , dan anak syarikat	Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE & Ketua anak Syarikat	
2.	Mewujudkan peranan duta integriti	Melestarikan budaya integriti dalam organisasi	2015	Wakil Jabatan/ Pejabat negeri	Ketua Jabatan	Ketua Pegawai Integriti	

PENDEKATAN : PENDIDIKAN
STRATEGI 2 : MENGURANGKAN RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAHGUNA KUASA

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Mewujudkan pelbagai saluran komunikasi – portal, buletin, dan iklan integriti	Membentuk organisasi yang telus, adil dan integriti	Q4 2014 - 2015	Semua anggota/ pihak berkepentingan	Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	
2.	Melaksanakan program komunikasi integriti untuk pelanggan- Bulan Integriti TH	Menunjukkan ketelusan, trans-parensi dan pengurusan perniagaan yang berintegriti	Bermula 2015	Pendeposit/ jemaah haji / pelanggan	Ketua Jabatan/Ketua Pegawai integriti / Pengarah Negeri	PUK & KPE	
3.	Taklimat perlaksanaan Integrity Pact kepada pembida / konsultan	Mewujudkan dan mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat TH .	Q3 2014	Pembida/ konsultan	Bahagian Perolehan / Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

PENDEKATAN : **PENDIDIKAN**
STRATEGI 3 : **MEMUPUK KESEDARAN MENGENAI POLISI DAN PERATURAN TH BERKUATKUASA**

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Mewujudkan saluran integriti	Hebahan maklumat mengenai polisi dan peraturan	2014 - 2015	Pendeposit/ Jemaah haji / pelanggan	Ketua pegawai Integrity/ Ketua Bahagian/ Pengarah Negeri	Ketua Jabatan/ PUK & KPE	
2.	Latihan mengenai polisi dan peraturan berkaitan integriti	Meningkatkan pengetahuan dan pematuhan kepada polisi yang berkuatkuasa	Berterusan	Semua anggota	Ketua Bahagian/ Pengarah Negeri	Ketua Jabatan	

Lampiran

AKTIVITI & PELAN TINDAKAN

PENDEKATAN: PENCEGAHAN

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

PENDEKATAN STRATEGI 1 : PENCEGAHAN (PENCERAHAN)
PENAMBAHBAIKAN KEBERKESANAN DAN TADBIR URUS
DALAM SISTEM PENYAMPAIAN

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Membentuk Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) setiap Jabatan dan Anak Syarikat TH	Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan kawalan dalaman	2014 hingga 2015	Semua	Ketua Bahagian / Ketua Jabatan	PUK & KPE & Ketua anak Syarikat	

PENDEKATAN STRATEGI 2 : PENCEGAHAN (PENCERAHAN)
MENCEGAH PERCANGGAHAN KEPENTINGAN DALAM
PENGURUSAN PERNIAGAAN

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Mewujudkan Polisi Pelaksanaan Integriti Pact dalam perolehan TH	Mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat TH	Q1 2014	semua	Bahagian Perolehan / Sekretariat Mesyuarat Jawatankuasa berkaitan perolehan	Ketua Pegawai Integriti / Ketua Jabatan	
2.	Menguatkuasakan Polisi pemberian dan Penerimaan Hadiah anggota TH	Mengelak pengaruh negatif atau <i>favouritism</i>	Berterusan berdasarkan polisi	semua	Ketua Pegawai Integriti/ Ketua Jabatan	PUK & KPE	

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

PENDEKATAN : PENCEGAHAN (PENCERAHAN)
STRATEGI 3 : SISTEM PEMANTAUAN DAN PELAPORAN YANG EFEKTIF

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPU- LAN SASA- RAN	TANGGUNG- JAWAB/ PEMILIKAN	PEMAN- TAUAN	CATATAN
1.	Pengisytiharan harta oleh semua anggota TH	Memantau taraf hidup anggota & pasangan	Berterusan berdasarkan polisi	Semua anggota	Ketua Jabatan/ Ketua Jabatan Sumber Manusia	PUK & KPE / Ketua pegawai Integriti	
2.	Menggunakan portal Integriti bagi orang awam untuk memberi maklum balas	Mewujudkan saluran aduan yang efektif dan transparan kepada pelanggan	2015	Anggota TH / orang awam	Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	

PENDEKATAN : PENCEGAHAN (PENCERAHAN)
STRATEGI 4 : MENYOKONG PRINSIP IKRAR INTEGRITI KORPORAT

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPU- LAN SASA- RAN	TANGGUNG- JAWAB/ PEMILIKAN	PEMAN- TAUAN	CAT- ATAN
1.	Menguatkuasakan Polisi Pendedahan Maklumat tentang salah laku di tempat kerja (<i>Whistle Blowing</i>)	Meningkat dan mengukuh kredibiliti TH pada pihak berkepentingan	2014	Semua anggota/ orang awam	Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	
2.	Menggunakan sumber-sumber syarikat dengan cara yang betul	Untuk mengurangkan pembaziran	Berterusan	Semua anggota	Pengarah Negeri/ Ketua Bahagian/ Ketua Jabatan	PUK & KPE	
3.	Memuatkan elemen integriti dalam kontrak operasi, perjanjian dan apa-apa dokumen TH yang berkaitan	Untuk memupuk budaya integriti di TH	Berterusan	Ketua Bahagian/ Pengarah Negeri	Ketua Jabatan	PUK & KPE	

PENDEKATAN : PENCEGAHAN (PENCERAHAN)
STRATEGI 5 : PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LOKAL DAN ANTARABANGSA DALAM PERNIAGAAN

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Pemantauan keatas undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan integriti	Pematuhan kepada peraturan dan undang-undang	Berterusan	Ketua Bahagian/ Pengarah Negeri	Ketua Jabatan/ Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	
2.	'Due diligence' atas pelaburan-pelaburan TH yang baru untuk merangkumi penilaian terhadap pematuhan	Meminimakan risiko rasuah	Berterusan	Jabatan Pelaburan, Perkhidmatan Kewangan korporat	Ketua Jabatan	PUK & KPE	
3.	Profiling dan tapisan syarikat bagi perolehan melebihi RM1 juta dan ke atas	Mengelakkan percanggahan kepentingan dan pemilihan syarikat yang berkeelayakan	2016	Syarikat Pembida/ Konsultan	Ketua Pegawai Integriti/ Bahagian Perolehan/ Ketua Jabatan	PUK & KPE	
4.	Melaksanakan <i>job rotation</i> bagi jawatan kritikal	Mengelakkan salah guna kuasa dan penyelewengan	Berdasarkan polisi	Anggota di jawatan kritikal	Ketua Jabatan Sumber Manusia	PUK & KPE	

AKTIVITI & PELAN TINDAKAN

PENDEKATAN:
PENAMBAHBAIKAN

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

PENDEKATAN : PENAMBAHBAIKAN
STRATEGI 1 : MEMASTIKAN KESINAMBUNGAN (SUSTAINABILITY) **TH**
 DALAM PERNIAGAAN DAN PENERAJUI PENGURUSAN HAJI

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Melaksanakan amalan terbaik dalam industri	Sebagai benchmark yang terbaik di dalam kelas	Berterusan	Ketua bahagian/ Pengarah Negeri	Ketua Jabatan	PUK & KPE	
2.	Membentuk kod etika Perniagaan TH	Mewujud dan mengekal piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat TH	2015	Semua	Ketua Pegawai Integriti/ Ketua Jabatan	PUK & KPE	

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

PENDEKATAN STRATEGI 2 : PENAMBAHBAIKAN MENINGKATKAN KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI ANGGOTA TH

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Pengisytiharan harta oleh semua anggota TH	Memantau taraf hidup anggota & pasangan	Berterusan berdasarkan polisi	Semua anggota	Ketua Jabatan/ Ketua Jabatan Sumber Manusia	PUK & KPE / Ketua pegawai Integriti	
2.	Menggunakan portal Integriti bagi orang awam untuk memberi maklum balas	Mewujudkan saluran aduan yang efektif dan transparan kepada pelanggan	2015	Anggota TH / orang awam	Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	
3.	Penambahbaikan dan penerapan Kod Etika Kerja, kod tatakelakuan dan pembudayaan Piagam Pelanggan	Memberi garis panduan berhubung peraturan tatakelakuan yang sepatutnya ada pada setiap anggota TH	Berterusan	Ketua Bahagian/ Pengarah Negeri	Ketua Jabatan/ Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	
4.	Mewujudkan Saluran Aduan Dalaman dan melaksanakan Sistem Amaran Awal bagi menutup peluang dan ruang rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa	Menjalankan siasatan dalaman bagi mengesahkan duan yang diterima dan menjalankan pemeriksaan ke atas sistem & prosedur kerja TH	2014	Semua anggota/ orang awam	Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	
5.	Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP)	Mempromosi ketelusan dan integriti TH .	2012	Kumpulan TH	Ketua Pegawai Integriti/ Ketua Anak Syarikat	PUK & KPE	
6.	Melaksanakan Ikrar Integriti Individu	Pengukuhan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah	Setiap tahun	Semua anggota	Ketua Jabatan / Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	

PENDEKATAN STRATEGI 3 : PENAMBAHBAIKAN MEMINIMAKAN RISIKO REPUTASI KEWANGAN DAN OPERASI MELALUI PENAMBAHBAIKAN SISTEM, PROSEDUR, DAN TATACARA KERJA

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Mewujudkan peranan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus TH (JITU)	Mewujudkan budaya tadbir urus korporat di TH dan anak-anak syarikat TH	4 kali setahun	Semua Ketua Jabatan	Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	
2.	Pelaksanaan proses pelaburan yang sesuai berdasarkan perniagaan syarikat individu	Memperkuh tadbir urus korporat	Berterusan	Jabatan Pelaburan, Perkhidmatan Kewangan korporat	Ketua Jabatan	PUK & KPE	
3.	Penilaian yang teliti (teknikal, kewangan, undang-undang dan lain-lain) bagi peluang perniagaan baru	Untuk mengurangkan risiko	Berterusan	Jabatan Pelaburan, Perkhidmatan Kewangan korporat	Ketua Jabatan	PUK & KPE	

PENDEKATAN STRATEGI 4 : PENAMBAHBAIKAN MENILAI TAHAP ETIKA DAN INTEGRITI BAGI MENEPATI NILAI TERAS **TH**

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Melaksanakan Penilaian Sistem Integriti Korporat	Untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Kod Etika dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa	2015	Semua anggota	Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	
2.	Audit pematuhan kepada polisi dan praktis	Pematuhan kepada peraturan dan undang-undang	Berterusan	Semua Bahagian/ Jabatan/ Pejabat cawangan	Ketua Audit Dalam	PUK & KPE	

AKTIVITI & PELAN TINDAKAN

PENDEKATAN:
PENGIKTIRAFAN &
PUNITIF

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

PENDEKATAN : PENGIKTIRAFAN & PUNITIF (*CARROT & STICK*)
STRATEGI 1 : MELAKSANAKAN SISTEM AMARAN DAN BERTINDAK SEBAGAI *EARLY WARNING* DAN *QUICK RESPON* BAGI MENGESAN DAN MENGHUKUM PELANGGARAN TATAKELAKUAN SALAHLAKU JENAYAH

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Melaksanakan tindakan punitif kepada anggota terlibat rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa	Untuk meningkatkan ketelusan dalam proses kerja	Berterusan	Semua anggota	Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	
2.	Melaksanakan tindakan tatatertib bagi pelanggaran tatakelakuan beretika.	Memahami prosedur dan langkah-langkah tindakan tatatertib	Berterusan	Semua anggota	Ketua Pegawai Integriti/ Ketua Jabatan Sumber Manusia	PUK & KPE	

PENDEKATAN : PENGIKTIRAFAN & PUNITIF (*CARROT & STICK*)
STRATEGI 2 : MEMANTAU PERLAKUAN YANG MELANGGAR INTEGRITI, ORGANISASI DAN MENGAMBIL TINDAKAN PENCEGAHAN, PUNITIF DAN PEMULIHAN.

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Melaksanakan mekanisme kawalan dalaman	Memperkasa sistem kawalan dalaman	Berterusan	Ketua Bahagian/ Pengarah Negeri	Ketua Jabatan/ Ketua Audit Dalam	PUK & KPE	

PENDEKATAN : PENGIKTIRAFAN & PUNITIF (*CARROT & STICK*)
STRATEGI 3 : MEMBERI PENGIKTIRAFAN KEPADA ANGGOTA TH YANG BERINTEGRITI

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Anugerah tahunan kepada anggota TH yang berintegriti	Untuk mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada anggota TH	Suku ke 4 Setiap tahun	Semua anggota	Ketua jabatan / Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	
2.	Pengiktirafan integriti sebagai "merit khas" untuk kakitangan	Untuk meningkatkan budaya integriti	Suku ke 4 Setiap tahun	Semua anggota	Ketua jabatan / Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	

PENDEKATAN : PENGIKTIRAFAN & PUNITIF (*CARROT & STICK*)
STRATEGI 4 : MEMBERI GANJARAN KEPADA PELAPORAN MENGENAI RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAHGUNA KUASA

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	TEMPOH MASA	KUMPULAN SASARAN	TANGGUNGJAWAB/ PEMILIKAN	PEMANTAUAN	CATATAN
1.	Melaksanakan polisi ganjaran kepada warga TH atau orang awam yang melaporkan pelanggaran Integriti	Untuk menggalakkan dan mengiktiraf ketelusan di dalam organisasi	2015	Anggota TH / orang awam	Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	
2.	Menyebarkan informasi mengenai <i>whistle blowing policy</i>	Untuk meningkatkan kesedaran mengenai polisi semasa	Sepanjang masa	Anggota TH / orang awam	Ketua Pegawai Integriti	PUK & KPE	

PENUTUP

Pencapaian pelbagai objektif dalam rancangan ini bergantung kepada sokongan daripada anggota di semua peringkat di *TH*. Faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan ini ialah komitmen kepimpinan, dasar-dasar yang kuat, komunikasi yang berkesan dan sumber-sumber yang berkebolehan. Semua ketua di setiap peringkat *TH* perlu mematuhi prinsip-prinsip keterbukaan, integriti dan kejujuran, mahir, kebebasan melalui tanggungjawab dan saling menghormati. Mereka mesti berupaya untuk menggerakkan dan memberi inspirasi kepada orang bawahan mereka ke arah merealisasikan objektif Pelan Integriti *TH*. Komunikasi yang berkesan adalah satu strategi yang berkesan untuk membina integriti dalam semua aktiviti dalam organisasi. Asas integriti hanya boleh dibentuk melalui budaya organisasi jika ia didedahkan dengan cara yang relevan kepada semua kakitangan *TH* dan bersepadu dengan semua operasi syarikat. Oleh itu, pelancaran Pelan Integriti *TH* sepatutnya menjadi pemangkin bagi merealisasikan matlamat untuk meningkatkan integriti dan membolehkan syarikat itu menjadi sebuah institusi yang cemerlang. Bahagian Integriti *TH* akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjadikan integriti sebagai satu budaya di Tabung Haji.